

NO.SOALAN : 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]
TARIKH : 28.5.2015 (KHAMIS)

DATO' JOHARI BIN ABDUL [SUNGAI PETANI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sistem percukaian GST telah banyak menimbulkan masalah termasuk kenaikan harga barang walaupun barangan yang tidak dikenakan GST. Apakah tindakan Kementerian agar pengguna-pengguna dimaklum hak-hak mereka agar mereka tidak tertipu.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sebelum GST diperkenalkan, Kerajaan telah terlebih dahulu menjalankan program advokasi berkaitan GST kepada peniaga dan pengguna. Sehingga Disember 2014, Kementerian telah mengadakan sebanyak 302 program yang telah dihadiri oleh 46,001 orang peserta. Kumpulan sasar pertama adalah pengguna yang terdiri daripada orang awam, belia, pensyarah, penuntut IPT dan penjawat awam sebanyak 178 program melibatkan 29,697 orang peserta. Kumpulan sasar kedua melibatkan peniaga, peniaga kecil, usahawan, hypermarket, kilang dan syarikat minyak sebanyak 124 program yang melibatkan 16,304 orang peserta.

Bagi mendapatkan maklumat sebenar dan maklumbalas daripada rakyat mengenai isu-isu yang dibangkitkan, Kementerian telah mewujudkan satu Pasukan Khas Antipencatutan KPDNKK (*Anti-Profitteering Dedicated Task Force*) yang bertujuan untuk mengendalikan aduan berkaitan antipencatutan dengan lebih cepat, tepat dan bersepadu dalam pelaksanaan GST.

Operasi Pasukan Khas Antipencatutan KPDNKK ini telah dijalankan di Pusat Gerakan Antipencatutan (PGAP) yang beroperasi 24 jam sehari. PGAP ini mengendalikan maklumat berkaitan dengan antipencatutan dengan lebih berkesan dan menyalurkan informasi bermanfaat untuk pengguna dari masa ke semasa melalui beberapa saluran seperti berikut:

(i) Call Center KPDNKK

Aduan yang diterima melalui talian hotline KPDNKK, portal E-Aduan, emel dan hadir sendiri ke pejabat KPDNKK.

(ii) Aplikasi Ez Adu KPDNKK

Kemudahan aduan yang beroperasi melalui aplikasi telefon pintar di mana pengguna boleh terus menghantar aduan dan gambar bukti kesalahan terus ke Sistem e-Aduan.

(iii) Pusat Aduan Bergerak KPDNKK

Merupakan medium penerimaan aduan yang dilaksanakan secara NBOS dengan menggunakan kenderaan mobile Agensi-Agensi di bawah KPDNKK yang memfokuskan kepada pengguna di kawasan luar bandar dengan tiga peranan utama menerima aduan, mengambil tindakan serta merta ke atas aduan dan memberi khidmat nasihat.

Melalui saluran-saluran ini, KPDNKK telah menerima 5, 498 aduan mengenai GST bagi tempoh 1 April hingga 4 Mei 2015. Dalam masa yang sama, KPDNKK juga telah memulakan Ops Catut Fasa II pada 1 April 2015.